




GUNAKAN AIR SECARA BIJAK



Tahukah Anda?

Penggunaan air sehari yang disarankan bagi setiap individu adalah **165 liter** menurut Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO).



Setiap hari, rakyat Malaysia menggunakan purata **251 liter air** bersamaan 167 botol air bersaiz 1.5 liter seorang.



Menjelang 2025, kerajaan berhasrat mengurangkan penggunaan air harian sehingga **180 liter seorang**.



Cara-cara Menjimatkan Air

Beli produk cekap air dengan penilaian 3 bintang.



Tutup pili air ketika memberus gigi atau bercukur.



Gunakan air dengan cekap dan berhemat ketika mandi.



Baiki paip yang bocor dan kerap selenggara sistem paip di rumah.



Memasang aerator dan penahan untuk kepala paip sinki.



Tadah air hujan menggunakan tong simpanan air atau baldi.



Guna semula air cucian beras untuk menyiram pokok.



Basuh baju ketika muatan mesin maksimum menggunakan kitaran pendek.



Tanam tanaman yang tahan kemarau.



Gunakan saiz perkakas dapur yang sesuai ketika memasak.



Impak Penjimatan Air



Gunakan baldi air berbanding paip hos ketika membasuh kereta, menyiram pokok dan cucian umum akan **menjimatkan sebanyak 116 liter seminggu** atau **6,032 liter air setahun**.



Penggunaan pili cekap air dapat **menjimatkan 140 liter air setiap minggu** atau **7,280 liter air setahun**.



Pemasangan tandas injap dwi-pam dapat mengurangkan penggunaan air sebanyak **70 liter air seminggu** atau **3,640 liter air setahun**.



Dengan ini, anda mampu menjimatkan sebanyak **16,950 liter air setahun!**

Sumber:

- Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)
- Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)
- Air Selangor